

JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM.BEN.100-1/3/3
Tarikh : 13 Jun 2025

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2022: PENETAPAN KADAR BAHARU BAGI JAMUAN UNIVERSITI, KELAYAKAN PAKEJ HOTEL DAN KERAIAN PENSYARAH/ PROFESOR PELAWAT

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan bahawa terdapat pindaan ke atas **perenggan 6.1.(b) dan (c)** di dalam Pekeling Bendahari Bil. 8/2022: Penetapan Kadar Baharu Bagi Jamuan Universiti, Kelayakan Pakej Hotel Dan Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat.
3. Pindaan perenggan 6.1(b) di bawah perkara 6: KONSEP PELAKSANAAN adalah seperti berikut:

Perkara 6 : KONSEP PELAKSANAAN	
Asal	Pindaan
6.1. Syarat yang perlu dipertimbangkan sebelum penganjuran sesuatu aktiviti/ program: b) Makan tengah hari tidak disediakan bagi mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar/ majlis rasmi kecuali yang tempoh masa lebih daripada 6 jam atau yang melibatkan Pengerusi LPU/ Ahli LPU/ Naib Canselor dan tetamu luar	6.1. Syarat yang perlu dipertimbangkan sebelum penganjuran sesuatu aktiviti/ program : b) Jamuan DIBENARKAN bagi penganjuran mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar/ majlis rasmi:- i. Melebihi tempoh masa enam (6) jam (Jamuan Ringan dan Makan Tengahari). ii. Kurang daripada enam (6) jam tetapi melangkaui jam 12.30 tengahari (Jamuan Ringan/ Makan Tengahari sahaja).



Perkara 6 : KONSEP PELAKSANAAN	
Asal	Pindaan
c) Mesyurat kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan	iii. Aktiviti melibatkan Pengerusi LPU/ Ahli LPU/ Naib Canselor dan tetamu luar (Jamuan Ringan dan Makan Tengahari) c) Mesyurat kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan - DIBATALKAN

4. Selaras dengan pindaan pekeliling ini, semua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu menggunakan UKM-SPKPPP-PP04-BO02 Borang Permohonan Pesanan Jamuan yang terkini (Tarikh Kuat Kuasa: 06 Jun 2025), rujuk Lampiran 1. Borang boleh didapati di laman sesawang Jabatan Bendahari dan Sistem Pengurusan Dokumen (SPD) Universiti Kebangsaan Malaysia.

5. Pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta mulai tarikh surat pekeliling dikeluarkan** dan dibaca bersama dengan Pekeliling Bendahari Bil. 8/2022: Penetapan Kadar Baharu Bagi Jamuan Universiti, Kelayakan Pakej Hotel dan Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat.

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Bayaran Pembekal, Bahagian Bayaran di talian 03-8921 5339 / 4099 / 5137 atau emel unitbayaran@ukm.edu.my. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya surat pekeliling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'KEKAL BERINTEGRITI'

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Pustakawan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my